

PELUANG KERJA

JAWATAN	GED	BAHAGIAN	BILANGAN KEKOSONGAN
PENOLONG PENGARAH	44 TERBUKA	BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK DIGITAL	3
PEGAWAI PENYELIDIK	41 TERBUKA	BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN	2

Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCCT) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Luar Negeri Malaysia yang berperanan sebagai sebuah pusat penyelidikan, analisis dan bina upaya dalam bidang keselamatan bagi rantau Asia Tenggara.

1. Penolong Pengarah (Gred 44 Terbuka) (Secara Kontrak), Bahagian Komunikasi Strategik Digital.

SEARCCCT sedang mencari individu bagi mengisi jawatan Penolong Pengarah yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: bermotivasi, memiliki kemahiran analitikal dan penulisan untuk menghasilkan produk naratif balas digital. Di samping itu, pegawai-pegawai yang akan dilantik bertanggungjawab untuk menyelia pelaksanaan program-program *mencegah keganasan (countering violent extremism –CVE)*.

Tugas/Bidang Tanggungjawab

Bergantung pada kemahiran masing-masing, Pegawai yang dilantik akan bertugas dalam bidang-bidang berikut:

- Menjalankan penyelidikan mengenai mesej-mesej secara dalam talian (*online*) dengan mengikuti, memantau, menilai dan mengumpulkan maklumat bagi membangunkan produk naratif balas;
- Mengkaji, menganalisis dan menilai impak, capaian, vektor dan keberkesanan hasil produk digital;
- Merancang, membangunkan, menghasilkan dan menyebarkan produk, serta membantu dalam pengajaran majlis dan persidangan yang berkaitan;
- Membangunkan kemahiran dan meneruskan kesinambungan hubungan dengan pihak luar dan kolaborasi dalam bidang penyelidikan berkaitan; dan
- Menyampaikan pembentangan di program yang dianjurkan oleh SEARCCCT, di dalam atau luar negara.

Syarat Kelayakan

Jawatan ini terbuka kepada Warganegara Malaysia yang:

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) atau setaraf. Calon-calon dengan kelulusan dalam bidang Sains Sosial akan diberi keutamaan. Calon-calon yang berkelulusan Sarjana atau yang lebih tinggi amat dialu-alukan;
- Pengalaman dalam pengurusan projek turut diberi keutamaan;
- Kreatif, boleh bekerja di bawah penyaliaan minimum dan berdedikasi;
- Mahir berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris; dan
- Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun.

Manfaat dan Gaji

- Jawatan **kontrak selama satu (1) tahun**, boleh dilanjutkan; dan
- Skim gaji: Gred 44.

2. Pegawai Penyelidik (Gred 41 Terbuka) (Secara Kontrak), Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan.

SEARCCCT sedang mencari dua (2) individu bagi mengisi jawatan Penolong Pengarah yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: bermotivasi, memiliki kemahiran analitikal dan menulis, dan mampu menjalankan penyelidikan.

Tugas/Bidang Tanggungjawab

Pegawai yang dilantik akan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berikut:

- Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam bidang keganasan dan pencegahan keganasan serta *Preventing and Countering Violent Extremism (PCVE)*, dan menyediakan hasil-hasil kajian daripada projek penyelidikan untuk diterbitkan;
- Menyediakan kompilasi artikel untuk diterbitkan dalam bidang keganasan, pencegahan keganasan serta *Preventing and Countering Violent Extremism (PCVE)*;
- Merancang dan melaksanakan program-program kesedaran awam dalam negara mengenai isu-isu keganasan, pencegahan keganasan serta *Preventing and Countering Violent Extremism (PCVE)*;
- Menyelia dan merancang pengendalian perkhidmatan perpustakaan SEARCCCT serta penyelenggaraan bahan bacaan ilmiah bagi perpustakaan; dan
- Mewakili SEARCCCT dan memberi pembentangan dalam persidangan, bengkel, seminar dan mesyuarat sama ada di dalam atau luar negara.

Syarat Kelayakan

Jawatan ini terbuka kepada Warganegara Malaysia yang:

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) atau setaraf. Calon-calon dengan kelulusan dalam bidang Hubungan Antarabangsa, Keselamatan Antarabangsa atau Sains Politik akan diberi keutamaan. Calon-calon yang berkelulusan Sarjana atau yang lebih tinggi amat dialu-alukan.
- Kreatif, boleh bekerja di bawah penyaliaan minimum dan berdedikasi.
- Mahir berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- Pengalaman di dalam melaksanakan kajian dan analisis merupakan satu kelebihan.

Manfaat dan Gaji

- Jawatan **kontrak selama satu (1) tahun**, boleh dilanjutkan.
- Skim gaji: Gred 41.

Peluang Kerja

- Mewakili SEARCCCT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam mesyuarat, kursus dan bengkel yang berkaitan dengan pencegahan keganasan;
- Menjalankan penyelidikan dalam bidang pencegahan keganasan;
- Menjadi sebahagian daripada kumpulan pakar yang terlibat dalam bidang pencegahan keganasan; dan
- Meluaskan rangkaian hubungan dengan pakar-pakar dari seluruh dunia.

Calon-calon yang berminat adalah dijemput untuk mengahantar permohonan beserta *Curriculum Vitae (CV)*. Sila sertakan juga Salinan siji akademik dan kad pengenalan, dan emel ke career@searccct.gov.my atau poskan ke:

KETUA PENGARAH
Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCCT)
Kementerian Luar Negeri

No.516, PERSIARAN TUANKU JA'AFAR, BUKIT PERSEKUTUAN, 50480 KUALA LUMPUR.
Tarikh tutup: 31 Mei 2020 (Ahad). Hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dihubungi.
Sila pastikan nama jawatan yang di pohon turut di nyatakan di dalam permohonan.